

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD  
(LANGKAWI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 11.06.2015**

**Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [ LANGKAWI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Langkawi diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai tetapi terdapat beberapa perkhidmatan seperti Astro, Pos Laju, Celcom, Maxis, Digi dan TM mengenakan cas GST 6% kepada pengguna di sana, namun begitu tidak pula pada bil elektrik TNB. Apakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan semua GST ini bagi penduduk Langkawi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, secara asasnya di bawah GST, kawasan bebas cukai seperti Langkawi, Tioman dan Labuan adalah ditakrifkan sebagai kawasan ditetapkan (*designated area*). Ini bermaksud GST tidak dikenakan ke atas bekalan barang dan perkhidmatan yang dibuat di dalam kawasan tersebut. Sekiranya barang dan perkhidmatan tersebut dibuat dan dibekalkan dari lain-lain kawasan selain dari Langkawi, Labuan dan Tioman, GST perlu dikenakan.

Berdasarkan kepada prinsip tersebut, telekomunikasi adalah dikenakan GST pada kadar 6% kerana perkhidmatan tersebut adalah dibekalkan oleh pembekal perkhidmatan yang terletak di luar kawasan bebas cukai. Selain daripada itu, perkhidmatan telekomunikasi yang dibekalkan di dalam dan di antara kawasan ditetapkan juga dikenakan GST 6% oleh Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pengenaaan Cukai Bagi Pembekalan Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan) 2014. Ini kerana kesukaran pihak penyedia perkhidmatan untuk mengenal pasti sama ada pengguna terlibat, sebagai contoh talian mudah alih dan internet, menggunakan perkhidmatan di dalam atau di luar kawasan tersebut.

Berkenaan dengan bil elektrik yang tidak dikenakan GST di Langkawi,

Tioman dan Labuan, sebenarnya elektrik adalah merupakan barang atau *goods* bagi maksud GST. Sehubungan itu, melalui Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Bekalan Berkadar Sifar) 2014, apa-apa bekalan barang ke Langkawi, Tioman dan Labuan adalah dikenakan GST pada kadar 0%.